



**UNIT PERANCANG EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI
ECONOMIC PLANNING UNIT
PRIME MINISTER'S DEPARTMENT**

Menara Prisma
Menara Prisma
No. 26 Persiaran Perdana
No. 26 Persiaran Perdana
Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
Presint 3, Federal Government Administrative Centre
62675 PUTRAJAYA

Telefon : 603-8000 8000
Faks (Fax) : +603-8090 2500
Laman Web : www.epu.gov.my

SULIT

Ruj. Kami : EPU.S.11-110/16/1 Jld. 1 (1)

Tarikh : 22 Mac 2022

Ketua Setiausaha
Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
Bahagian Kewangan
Menara Perdagangan Antarabangsa dan Industri
No. 7, Jalan Sultan Haji Ahmad Shah
50480 KUALA LUMPUR
(u.p.: Encik Kalithasan a/l Kaliappan)

Tuan,

**PERMOHONAN NOTICE OF CHANGE (NOC) BAGI PROGRAM TRANSFORMASI
UPAH KE ARAH PENINGKATAN PRODUKTIVITI DAN PAMPASAN PEKERJA,
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC) – P24004041230005**

Dengan hormatnya saya merujuk surat tuan bertarikh 2 Mac 2022 dengan rujukan MITI.S.400-4/2/91 (4) mengenai perkara di atas.

2. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) telah meneliti dan menimbang permohonan Notis Perubahan (NOC) bagi Program Transformasi Upah Ke Arah Peningkatan Produktiviti dan Pampasan Pekerja dan **bersetuju** meluluskan pindaan objektif, keterangan projek, skop projek, komponen projek, *output* projek, *outcome* projek dan *Key Performance Indicator* (KPI) projek seperti di **Lampiran A**.

3. Pihak tuan hendaklah memastikan projek ini dilaksanakan mengikut jadual yang telah ditetapkan serta dimohon untuk mengemukakan NOC menerusi Sistem MyProjek dalam tempoh tujuh hari bekerja daripada tarikh surat kelulusan. Kegagalan untuk mengemukakan NOC dalam tempoh tersebut akan menyebabkan kelulusan ini terbatal dengan sendirinya.

SULIT

4. Perhatian dan kerjasama pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MEGAT YUSMAN BIN MEGAT JAMALUDIN)

Bahagian Pembangunan Modal Insan

b.p. Ketua Pengarah

Unit Perancang Ekonomi

Jabatan Perdana Menteri

Tel : 03-8872 3334

Faks : 03-8888 3857

e-mel : yusman.jamaludin@epu.gov.my

LAMPIRAN A

PERMOHONAN NOTIS PERUBAHAN BAGI PROGRAM TRANSFORMASI UPAH
KE ARAH PENINGKATAN PRODUKTIVITI DAN PAMPASAN PEKERJA,
PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA (MPC)

KELULUSAN PINDAAN OBJEKTIF, KETERANGAN PROJEK, SKOP PROJEK,
KOMPONEN PROJEK, OUTPUT PROJEK, OUTCOME PROJEK
DAN KEY PERFORMANCE INDICATOR (KPI) PROJEK

DESKRIPSI PROJEK				
BIL.	PERKARA	ASAL	PINDAAN	JUSTIFIKASI
1.	Objektif	Meningkatkan tahap pengamalan (<i>take up rate</i>) PLWS di Malaysia.	1. Meningkatkan tahap pengamalan (<i>take up rate</i>) PLWS di Malaysia. 2. Meningkatkan pampasan pekerja (CE). 3. Mengatasi kekurangan tenaga kerja. 4. Membangunkan bakat masa hadapan.	Menjajarkan semula pasaran buruh berteraskan kepada peningkatan produktiviti dan pembangunan bakat masa hadapan.
2.	Keterangan Projek	Produktiviti memainkan peranan penting dalam memacu daya saing ekonomi. Oleh yang demikian, syarikat digalakkan untuk mengamalkan sistem upah yang berhubung kait dengan produktiviti syarikat dan pekerja. Sistem Upah Yang	Peranan produktiviti sangat penting dalam memacu daya saing ekonomi. Program Transformasi Upah Ke Arah Peningkatan Produktiviti dan Pampasan Pekerja yang lebih komprehensif dan seimbang akan menjajarkan semula pasaran buruh dengan berteraskan produktiviti dan	Menggunakan pendekatan yang lebih komprehensif untuk meningkatkan pampasan pekerja dan membangunkan bakat.

DESKRIPSI PROJEK				
BIL.	PERKARA	ASAL	PINDAAN	JUSTIFIKASI
		Dikaikan Dengan Produktiviti (PLWS) merupakan satu kaedah untuk berkongsi penciptaan kekayaan melalui perkongsian kekayaan (<i>Wealth Creation and Wealth Sharing</i>). Walau bagaimanapun, tahap pengalaman PLWS masih rendah. <i>Lower take up rate on PLWS</i> – Kajian “<i>National Employment Return (NER)</i>” & “<i>Department of Industrial Relations</i>” menunjukkan majikan yang mengamalkan PLWS adalah 87,570 (2019). <i>Blueprint Produktiviti Malaysia</i> (MPB) Teras 1 – Mengukuhkan pengalaman PLWS <i>Shared Prosperity Vision</i> (SPV 2030). Memperluaskan pelaksanaan PLWS dan meningkatkan peratusan pampasan pekerja. Pada masa sekarang pampasan pekerja Malaysia hanya 35.7% berbanding negara amalan terbaik, Jerman – 51.5%.	pembangunan bakat masa hadapan yang dijangka menyumbang kepada peningkatan CE sebanyak 40% menjelang 2025. Program ini bertepatan dengan mandat RMKe-12 dalam meningkatkan peluang pekerjaan rakyat Malaysia, mencapai CE yang lebih saksama, menambah baik kadar penyertaan tenaga buruh dan memperkukuhkan pasaran buruh bagi memenuhi keperluan bakat masa hadapan.	

DESKRIPSI PROJEK				
BIL.	PERKARA	ASAL	PINDAAN	JUSTIFIKASI
3.	Skop Projek	Melaksanakan inisiatif di peringkat nasional merangkumi pembangunan strategi, pelaksanaan dan pemantauan PLWS.	1. Melaksanakan inisiatif Sijil Perakuan e-Shared Prosperity Organisation (eSPO) menerusi platform pensijilan secara <i>online</i> kepada syarikat yang melaksanakan PLWS. 2. Melaksanakan semakan semula Garis Panduan PLWS. 3. Melaksanakan program pengiktirafan menerusi platform Anugerah eSPO untuk mewujudkan syarikat dan organisasi yang boleh dijadikan <i>role model</i>. 4. Melaksanakan program bimbingan PLWS secara atas talian (<i>Virtual</i>	Meningkatkan bilangan syarikat dan organisasi mengamalkan PLWS. Menangani isu ketidaksamaan dalam Pampasan Pekerja dan Penyertaan Tenaga Buruh. Mengurangkan ketidakcekapan pasaran buruh dan membangunkan bakat

DESKRIPSI PROJEK				
BIL.	PERKARA	ASAL	PINDAAN	JUSTIFIKASI
			<i>Training</i> PLWS) kepada syarikat-syarikat PKS. 5. Melaksanakan program <i>Fact Finding Mission</i> ke negara-negara yang mempunyai produktiviti dan pampasan pekerja yang tinggi. 6. Melaksanakan promosi bagi meningkatkan penyertaan bilangan syarikat yang melaksanakan PLWS menerusi media sosial dan penerbitan artikel. 7. Melaksanakan kajian Penyelidikan berkaitan Pampasan Pekerja, PLWS dan Bakat dalam tempoh RMKe-12. 8. Mengadakan sesi libat urus bersama pemegang taruh untuk meningkatkan daya saing, polisi dan kualiti data. 9. Mengadakan MoU dengan rakan strategik.	yang tersedia di masa hadapan.
4.	Komponen	1. <i>e-Certificate for Shared Prosperity Company</i>. 2. Semakan Garis Panduan PLWS. 3. Bengkel/ Seminar/ Klinik intervensi. 4. Pengiktirafan PLWS.	1. Projek <i>Data Entry</i> eSPO bagi memasukkan data organisasi yang diperakukan Sijil eSPO. Platform secara atas talian ini adalah berterusan bagi tempoh RMKe-12. 2. Pengiktirafan Program Anugerah eSPO akan dilaksanakan sekali dalam setahun.	Perubahan butiran komponen adalah sejajar dengan penambahan skop dan mandat RMKe-12.

DESKRIPSI PROJEK			
BIL.	PERKARA	ASAL	PINDAAN
		5. Kajian impak PLWS. 6. <i>Fact Finding Mission</i> – Negara yang mempunyai produktiviti dan nilai pampasan yang tinggi.	3. Sebanyak 50 program bimbingan PLWS secara atas talian (<i>Virtual Training PLWS</i>) kepada syarikat-syarikat PKS akan dilaksanakan setahun. 4. Aktiviti promosi menerusi media sosial seperti penerbitan video, artikel dan kenyataan media pada setiap bulan. 5. Taklimat program eSPO dijalankan secara <i>hybrid</i> (atas talian dan fizikal) seperti <i>eSPO Industry Briefing, Focus Group Briefing</i>. Program ini diadakan setiap bulan dan bergantung kepada kekerapan permintaan industri. 6. Program <i>Fact Finding Mission</i> ke negara-negara yang mempunyai produktiviti dan pampasan pekerja yang tinggi akan dilaksanakan sekali setahun. 7. Satu kajian penyelidikan berkaitan Pampasan Pekerja, PLWS dan Bakat akan dihasilkan dalam setahun. 8. Sebanyak 10 sesi libat bersama pemegang taruh yang berkepentingan dan pemain industri serta satu MoU akan dilaksanakan.
			JUSTIFIKASI

DESKRIPSI PROJEK				
BIL.	PERKARA	ASAL	PINDAAN	JUSTIFIKASI
5.	Output Projek	<u>Butiran Output</u> 100,000 organisasi/ syarikat dikenal pasti mengamalkan PLWS melalui sistem dalam talian. - Peningkatan CE sehingga 43%. 100 syarikat menerima pengiktirafan sumber manusia. 250 PKS melaksanakan intervensi PLWS.	<u>Butiran Output</u> 100,000 organisasi/ syarikat dikenal pasti mengamalkan PLWS melalui sistem dalam talian pada tahun 2025. 100 syarikat dianugerahkan Anugerah Organisasi Kemakmuran Bersama pada tahun 2025. 250 PKS melaksanakan program intervensi PLWS pada tahun 2025. - Penjajaran pasaran buruh bagi 3 sektor industri. - Meningkatkan prestasi pendidikan rakyat Malaysia melebihi 35% menjelang 2025.	Perubahan butiran <i>output</i> adalah sejajar dengan penambahan skop dan mandat RMKe-12.
6.	Outcome Projek	<u>Butiran Outcome</u> <i>e-Shared Prosperity Organisation Acknowledgement Certificate.</i> - Penubuhan Jawatankuasa Pemandu PLWS. - Program Promosi PLWS menerusi media sosial.	<u>Butiran Outcome</u> - Meningkatkan upah dan produktiviti syarikat. - Meningkatkan pengamalan PLWS. - Meningkatkan CE. - Meningkatkan sesi libat urus bersama pemegang taruh menerusi penubuhan <i>Technical Working Group on Human Capital.</i> - Menangani isu kekurangan pekerja.	- Peningkatan CE kepada 40% menjelang tahun 2025. - Sumber bekalan bakat yang konsisten untuk pertumbuhan industri pada masa hadapan.

DESKRIPSI PROJEK				
BIL.	PERKARA	ASAL	PINDAAN	JUSTIFIKASI
		4. Program intervensi PLWS menerusi bengkel, seminar dan klinik.	6. Meningkatkan pencapaian prestasi pendidikan termasuk insentif dan infrastruktur.	3. Membangunkan penyelesaian baharu untuk menambah baik prestasi pencapaian pendidikan di Malaysia yang akan dilaporkan dalam Laporan Daya Saing Antarabangsa seperti IMD dan WEF. 4. Inovasi kolaboratif antara pengawal selia dan industri.
7.	KPI Projek	Seperti di dalam MyProjek	(Rujuk jadual pindaan KPI seperti di bawah) KPI CE dikeluarkan kerana ianya merupakan <i>outcome</i> projek.	Perubahan KPI diperlukan kerana sasaran pencapaian CE yang ditetapkan telah berubah kepada 40%.

KPI Projek

Bil	Kuantiti	Unit	Penerangan	Sasaran				
				2021	2022	2023	2024	2025
1.	100,000	Bilangan	100,000 syarikat dikenal pasti mengamalkan PLWS	20,000	20,000	20,000	20,000	20,000
2.	250	Bilangan	PKS yang melaksanakan intervensi PLWS	50	50	50	50	50
3.	100	Bilangan	Syarikat model yang mendapat pengiktirafan melalui Anugerah Kemakmuran Bersama	20	20	20	20	20
4.	3 sektor	Bilangan sektor	Penjajaran pasaran buruh 3 sektor	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan	1 sektor	1 sektor	1 sektor
5.	Sasaran prestasi pendidikan 35%	Peratus	Pencapaian prestasi pendidikan	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan	Tidak berkaitan	35%